

## Cakra Alam, Korea Dan Magis

Setelah sekian lama ditanya berkenaan hal Cakra Alam, namun malangnya saya tidak pernah berkesempatan untuk membaca ataupun melihat apa jua info berkaitannya. Semalam, heboh di media dan alam internet berkenaan Pusat Perubatan Cakra Alam.

Info yang paling menarik adalah paparan youtube berkenaan penipuan Cakra Alam, rakaman dari rancangan khas siaran stesyen television Korea.

Ada pihak yang berusaha mempertahankan pengamal dan pusat ini dengan memaparkan video 'sang ustaz' sedang mengubat menggunakan lampu tanpa berkasut.

"Nah kali ini mungkin benar-benar tidak ada penipuan lagi" Mungkin itu harapan pihak pusat perubatan Cakra Alam.

Cakra Alam, Korea Dan Magis

Oleh

Zaharuddin Abd Rahman

<http://www.zaharuddin.net/>

Setelah sekian lama ditanya berkenaan hal Cakra Alam, malangnya saya tidak pernah berkesempatan untuk membaca ataupun melihat apa jua info berkaitannya. Semalam, heboh di media dan alam internet berkenaan Pusat Perubatan Cakra Alam yang diterajui oleh Mohd Arief.

Info yang paling menarik adalah paparan youtube, rakaman dari rancangan khas siaran stesyen television Korea.

Ia jelas memperlecehkan dan menelanjangkan 'kehebatan' ketua pusat perubatan tersebut.

Apapun, saya masih ragu-ragu kepada kedua-dua pihak. Masih menanti laporan dari siaran 360 oleh stesyen tv Malaysia yang dikatakan pergi menemuramah sendiri tuan punya Pusat Perubatan.

Namun setelah melihat sedutan ringkas temuramah ini. Tiada jawapan konkrit diberikan oleh pengamal berkenaan;

Saksikan

## BAGI STESYEN TV KOREA

Saya ragu dan masih tidak mampu memberikan sebarang kata putus untuk kebenaran apa yang ditayang oleh stesyen KOREA itu,

Ini kerana terdapat kemungkinan petikan video kaki angkat turun dan kasut yang di scanned itu adalah kaki orang lain dan kasut orang lain.

Tiada sebarang bukti bahawa kasut yang di scanned adalah kasut yang dipakai oleh 'sang ustaz'

Tiada bukti juga, gambar video kaki bergerak adalah kaki sang ustaz semasa pertunjukan dilakukan.

Namun tidak dapat disangkal, pertunjukkan oleh tetamu stesyen TV itu agak menyakinkan, kemampuannya membakar kertas dan hilang, menghidup lampu dan lain-lain teknik biasa sang pengamal, mampu dilakukannya dengan mudah.

Ini yang menyebabkan ramai penonton video stesyen TV akan mempercayai penipuan TELAH BERLAKU. Saya juga tanpa dinafikan, agak terpengaruh dengan info yang dipapar oleh stesyen TV ini. Sebagaimana juga ramai yang lain.

Namun, paparan video juga boleh ditokok tambah dengan cammera trick !

Berikut adalah videonya :-

Pertama

<http://uk.youtube.com/watch?v=p9hgWWQC3e0>

Kedua

[http://uk.youtube.com/watch?v=9pBe2\\_tbPUE](http://uk.youtube.com/watch?v=9pBe2_tbPUE)

## BAGI SANG PENGAMAL

Saya tidak pernah mengkaji berkenaan ajarannya dan cara perubatannya, lalu saya tidak berkecenderungan untuk menentukan kesohian caranya atau tidak.

Ada pihak yang berusaha mempertahankan pengamal dan pusat ini dengan memaparkan video 'sang ustaz' sedang mengubat menggunakan lampu tanpa berkasut.

"Nah kali ini mungkin benar-benar tidak ada penipuan lagi" Mungkin itu harapan pihak pusat perubatan Cakra Alam.

Namun tidak semudah itu untuk membawa keyakinan, ini kerana tanpa kasut dengan mudah sahaja cara lain digunakan untuk menghidup dan mematikan lampu.

Saya BELUM mahu menuduh penipuan dibuat oleh 'ustaz' tersebut, namun ingin melihat jika dia merasakan stesyen TV itu telah menghinanya dan menjatuhkannya tanpa sebenar, kita menunggu dia menyaman stesyen tersebut. Jika boleh.

## KESIMPULAN

Tidak dapat kita nafikan, terdapat individu yang diberi kelebihan oleh Allah untuk mengubat ( dengan izin Allah) melalui cara-cara yang unik dan luar biasa. Yang penting wajib kita pastikan tiada sebarang unsur syirik, tangkal, pemujaan, jampi mantera pelik-pelik yang dibaca.

Kita juga sedar, bahawa Jin dan Syaitan boleh digunakan untuk tujuan mewujudkan keadaan luar biasa. Justeru pemantauan cara dan amalan mana-mana pengubat tradisional adalah AMAT PENTING.

Sekali lagi saya amat-amat berharap pembaca dapat membaca dan menyebarkan panduan yang pernah saya tulis sebelum ini berkait hal penyelewengan aqidah dan kepercayaan yang banyak berlaku di dalam masyarakat kita.

Buka artikel ini UMAT ISLAM DALAM BAHAYA AQIDAH

Jlka benarlah penipuan memang berlaku, ingin saya nasihatkan umat Islam di Malaysia khususnya agar menjadi lebih prihatin dengan kepelbagaian penipuan dalam hal yang boleh melibatkan aqidah. Selain penipuan yang berkait dengan penipuan wang dan harta serta maruah.

JAKIM pula memberikan fatwa yang mengelirukan ( kemungkinan besar kesilapan typo sehingga tidak dapat difahami ertinya) di dalam web soal jawab agama berkenaan Cakra Alam

Jawapan JAKIM (dipetik dari web JAKIM pada 26 Nov 2008, mungkin akan berlaku sebarang perubahan selepas ini)

Menggunakan perubatan secara cakera alam adalah dilarang kerana ia mengandungi ciri-ciri ajaran Islam ( sumber )

Adalah boleh difahami jawapan itu ?????

Sebagai ingatan semula. Rasulullah s.a.w. bersabda :

ENFR #N\*NI 9N1QN'AK' AN3N#NDNGO 9NFR 4NJR&M AN5N/QNBNGO (PEN' JNBOHDO DNER \*OBR(NDR DNGO 5ND'N)L #N1R(N9PJRFN JNHREK'

Barangsiapa yang mendatangi bomoh untuk bertanya tentang sesuatu perkara lalu dia membinarkan apa yang bomoh itu katakan, maka tidak diterima solatnya selama empat puluh hari. ( Riwayat Muslim )

Rasulullah s.a.w. bersabda lagi :

ENFN #N\*NI CN'GPFK' AN5N/QNBNGO (PEN' JNBOHRDO ANBN/R CNAN1N (PEN' #OFR2PDN 9NDNI EO-NEQN/M

Barangsiapa yang mendatangi bomoh lalu ia mempercayai apa yang bomoh itu katakan maka kafirlah ia terhadap apa yang Allah turunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. ( Riwayat Al-Bazzar dengan sanad yang kuat ; berkata al-Haithami perawinya shohih kecuai &lsquo;Uqbah bin Sinan 5/117 ; Sohih menurut Albani ; Muntaqa , 2/791 )

Akhirnya, pihak disarankan lebih aktif memantau kewujudan pusat-pusat perubatan tradisional, begitu banyak jenis perbuatan yang belum diputuskan hukumnya oleh Majlis Fatwa antaranya seperti bomoh tulang yang mengurut dari jauh, mengubat dengan aura dan macam-macam lagi.

Jika benar, penipuan dilakukan, setiap sen yang diperolehinya adalah haram di sisi Islam. Malah lebih bahaya jika kesan kerosakan aqidah pula berlaku kepada para peserta.

CUKUPLAH...

Bagi para ustaz, cukup-cukuplah dengan aktiviti pelik sebegini. Nama dan gelaran 'ustaz' semakin hari semakin busuk akibat hal-hal penipuan.

Sebelum ini kita dikejutkan dengan ustaz-ustaz yang kemaruk skim cepat kaya..tiba-tiba diharamkan, semua hilang.

Kemudian ustaz yang kemaruk skim piramid.

Kemudian ustaz yang jadi bomoh dan akhirnya ditangkap cabul, rogol pesakit dan lain-lain.

Kemudian ada ustaz yang ditangkap rasuah.

Ada ustaz pula yang sibuk dengan bisnes kayu kokka, serta menjaja khasiat ghaib kayu tersebut, menggunakan namanya untuk mempengaruhi pembeli.

Saya teringat bertanya kepada seorang doktor di Ireland,

"adakah para doktor boleh terlibat dengan bisnes ubat?"

"boleh memang boleh tetapi dianggap tidak beretika" jawabnya

Jika demikian, bagaimana pula dengan ustaz ? Fikirkan bersama... dan saya tidak terkecuai. Jual buku tulisan sendiri tu lain le...itu penyebaran ilmu.

Sekian

Zaharuddin Abd Rahman

<http://www.zaharuddin.net/>

26 Nov 2008

Petikan berita UTUSAN MALAYSIA

TV Korea dedah penipuan 'bomoh' dalam YouTube

Oleh WAN SYAMSUL AMLY

KUALA LUMPUR 25 Nov. - Tahukah anda telur yang digunakan oleh seorang pengamal perubatan tradisional di negara ini sebenarnya sudah menjalani beberapa kaedah saintifik yang mengubah isi kandungannya.

Ia didedahkan oleh sebuah rancangan televisyen di Korea yang mendakwa kaedah perubatan yang digunakan pengamal perubatan tradisional itu hanyalah permainan sains dan ia boleh dijawab menerusi eksperimen yang membuktikan penipuan itu.

Sebuah rancangan daripada Korean TV Channel yang dipaparkan dalam laman YouTube menunjukkan beberapa eksperimen sains dapat mendedahkan taktik penipuan pengamal perubatan tradisional terbabit.

Pengamal perubatan yang berstatus 'ustaz' itu menggunakan telur sebagai kaedah perubatannya.

Telur itu dilurut pada badan pesakit atau mana-mana bahagian yang dikatakan sakit dan didakwa boleh menyerap 'racun.'

Pengamal perubatan terbabit kemudiannya membaca 'mantera' dan selepas itu memecahkan telur tersebut.

Kemudiannya mimik muka pengamal perubatan itu terus berubah selepas memecahkan telur itu apabila mendapati warna telur itu berubah seolah-olah terdapat darah di dalamnya.

Dengan nada selamba dan penuh keyakinan, pengamal perubatan tersebut kemudiannya mendakwa pesakit berkenaan

telah diubati dan 'racun' yang tersimpan dalam badan 'mangsa' telah 'dikeluarkan' menerusi telur itu.

Bagaimanapun berdasarkan rancangan dalam 'Korean TV Channel' itu membuktikan telur itu sebenarnya sudah melalui beberapa proses sains yang menyebabkan terdapat cecair merah di dalamnya.

Kelihatan agak pelik tetapi tiada apa yang mustahil dalam sains, dengan kaedah tertentu kandungan telur itu boleh ditukar warnanya.

Beberapa lagi 'penipuan' yang dikesan dan didedahkan menerusi rancangan dari Korea itu ialah pengamal perubatan tersebut menyalakan lampu kalimantang dan alat penguji arus elektrik (test pen) menyala apabila diletakkan pada tangan atau dahinya.

Rancangan itu membuktikan penipuan pengamal perubatan terbabit apabila salah seorang krew penerbitan meminta pengamal perubatan itu membuka kasut dan memberi lampu lain untuk dinyalakan, beliau gagal melakukannya.

Selain itu, telur yang didakwa boleh menyerap racun tidak menunjukkan sebarang perubahan apabila dipecahkan setelah ditukarkan dengan telur lain.